

U GR 22-05 00203 RA801

Aah

Mahathir - Pelan 111

KUCHING, 22 Mei (Bernama) -- Kabinet yang bermesyuarat di sini hari ini telah meluluskan draf pelan perspektif yang kedua yang akan melancarkan negara ke arah pembangunan yang lebih pesat terutama menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata draf pelan 10 tahun itu yang dipersetujui oleh semua pihak setelah beberapa pindaan dibuat, akan dibentangkan pada persidangan Parlimen yang akan datang.

Draf itu memberi penekanan kepada hasrat mencapai matlamat pembangunan dan mewujudkan perpaduan negara, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat lima jam itu di Wisma Raja Malaysia di sini.

Mesyuarat mingguan kabinet itu adalah yang kedua kali diadakan di luar Kuala Lumpur. Kali pertama ialah di Pulau Langkawi tahun lepas.

Kesemua menteri menghadiri mesyuarat itu kecuali Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba, Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, yang tidak hadir kerana sedang cuti atau menjalankan tugas di luar negara.

Perdana Menteri berkata pelan itu juga merupakan langkah awal 10 tahun ke arah memenuhi wawasannya untuk membawa negara maju menjelang tahun 2020. -- Lagi.

♥22/05/16-14MST

U GR 22-05 00182 RA804

Aah

Mahathir - Pelan 2 Kuching

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pelan itu mengambil kira semua pandangan anggota kabinet yang mewakili pelbagai kaum dan parti. Bagaimanapun draf itu akan disemak dalam mesyuarat kabinet minggu depan.

Beliau berkata kerajaan akan membuat ulasannya terhadap laporan draf itu setelah ia diluluskan dan diisytiharkan nanti.

Dalam hubungan itu, Perdana Menteri meminta kerjasama media massa, sama ada media cetak atau media elektronik, supaya bersikap positif dalam perkara ini dan jangan cuba melaga-lagakan kaum-kaum di negara ini.

Menurutnya, di dalam negara berbilang kaum sikap bertolak ansur perlu ada kerana seseorang itu tidak akan dapat memenuhi kehendaknya seratus peratus, tetapi akan memperolehi kehendaknya yang munasabah.

Inilah caranya Barisan Nasional mentadbir negara dan mencapai kata sepakat kerana melaluinya negara akan menjadi aman dan dapat mengamalkan demokrasi dan mengadakan pilihan raya tanpa kejadian yang tidak dingini, katanya.

Perdana Menteri percaya pihak media massa tentu ingin melihat keamanan, persefahaman kaum dan pembangunan di negara ini berterusan dan tidak terlalu mementingkan diri dan soal perniagaan mereka semata-mata. -- Lagi.

♥22/05/16-37MST

U GR 22-05 00159 RA805

Aah

Mahathir - Pelan 3 Kuching

Beliau juga menjelaskan draf pelan itu yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) juga mengambil kira pandangan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata apabila beliau membentangkan draf pelan itu di Parlimen nanti, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang juga Presiden MCA akan menyokong usul itu memandangkan beliau mewakili parti komponen BN yang kedua besarnya.

Pelan itu juga merupakan pengganti kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang tamat tahun lepas.

Mengenai cadangan MCA untuk menubuhkan pusat kebuayaan Cina atau +Chinatown,+ Perdana Menteri berkata kabinet telah bersetuju untuk tidak membincangkan isu itu melalui media massa.

+Kita boleh selesaikan perkara itu sesama kita,+ katanya.

Ura-ura MCA untuk menubuhkan pusat itu telah menimbulkan bantahan oleh pelbagai pihak termasuk Pemuda UMNO dan Gerakan yang menganggapnya sebagai tidak wajar ketika usaha pemupukan masyarakat Malaysia yang bersatu sedang dijalankan. -- Lagi.

♥22/05/17-13MST

CNS6976

U GR 22-05 00091 RA806

Aah

Mahathir - Pelan 4 Kuching

Ketika mengulas kenyataan Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan mengenai tidak perlunya Akta Keselamatan Dalam Negeri di negara ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata akta itu masih diperlukan walaupun keadaan negara sekarang aman.

Menurutnya, kerana adanya akta itulah tidak ada huru-hara di negara ini seperti yang berlaku di sesetengah negara lain. Ini kerana akta itu menakutkan mereka yang cuba menimbulkan huru-hara.

+Jika ISA dihapuskan, akan adalah huru-hara di negara ini nanti,+ katanya. -- Bernama.

♥22/05/17-14MST